

07 AUG 2000

ZAINAL-SUBSIDI PETROL/I

GOLONGAN TERMISKIN BERUNTUNG JIKA SUBSIDI PETROLEUM DIKURANGKAN

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Kemiskinan tegar mungkin dapat dihapuskan jika penjimatan daripada pengurangan subsidi petroleum boleh disalurkan ke arah membangunkan projek-projek yang akan meningkatkan pendapatan golongan yang sangat miskin, kata Dr Zainal Aznam Yusof, Timbalan Ketua Pengarah Institut Kajian Antarabangsa dan Strategik (ISIS) Malaysia.

Rakyat miskin tegar di Malaysia ditakrifkan sebagai isirumah yang mempunyai pendapatan separuh daripada paras kemiskinan mutlak. Kemiskinan mutlak di Malaysia telah berkurangan daripada kira-kira lima puluh peratus dalam tahun 1970 kepada kira-kira tujuh peratus pada tahun 1998.

Aznam berkata sejumlah 67,300 isi rumah dianggarkan sebagai rakyat miskin tegar pada tahun 1997, atau 1.4 peratus daripada jumlah isirumah miskin dalam tahun 1997.

"Gunakan pendapatan paras kemiskinan sebanyak RM467 sebulan bagi isirumah yang mengandungi lima orang. Dengan subsidi keluaran petroleum bagi 1998 mencapai hampir RM500 juta, ini adalah kira-kira satu juta kali pendapatan paras kemiskinan," katanya dalam satu kenyataan.

Dengan mengandaikan bahawa kira-kira RM15 juta subsidi tersebut disalurkan kepada semua isirumah miskin tegar ini, kata Aznam, pendapatan isirumah mereka boleh dipertingkatkan ke jumlah di atas paras kemiskinan.

"Jadi, membelanjakan sejumlah yang lebih sedikit daripada RM15 juta subsidi dalam tahun 1997 seharusnya dapat menghapuskan kemiskinan tegar di negara ini," tegas Aznam.

Sedikit perubahan kepada subsidi petroleum dapat dijangkakan kerana Kementerian Kewangan sedang mengkaji untuk menyemak subsidi tersebut.

Semakan ini penting disebabkan oleh kenaikan mendadak harga minyak mentah. Sejak tahun 1999, harga minyak telah meningkat kepada AS\$30 (RM114) setong.

Aznam menegaskan bahawa perbelanjaan bagi subsidi ke atas keluaran petroleum semakin meningkat dengan banyaknya tahun demi tahun.

Subsidi ini berjumlah hingga RM228 juta pada tahun 1997, meningkat kepada RM499.6 juta pada tahun berikutnya dan tujuh kali lebih banyak daripada subsidi yang diberikan bagi skim pinjaman buku teks (RM70.9 juta) pada tahun 1999.

"Pada tahun 2000, jumlah subsidi yang dijangkakan bagi keluaran petroleum mungkin melebihi RM1 bilion, lebih besar daripada subsidi untuk padi," katanya.

Katanya jumlah subsidi petroleum cukup besar jika dibandingkan dengan peruntukan bagi perbelanjaan pembangunan program-program kemasyarakatan.

Aznam berkata dalam tahun 1998, perbelanjaan pembangunan kesihatan berjumlah RM716 juta berbanding kira-kira RM500 juta subsidi bagi harga petroleum iaitu kira-kira 70 peratus perbelanjaan kesihatan. Ia juga merupakan 48 peratus peruntukan bagi perumahan.

Beliau juga berkata pemberian subsidi bagi keluaran petroleum boleh menyebabkan perubahan dalam pasaran dan bertentangan dengan beberapa objektif pembangunan.

Harga minyak petrol yang murah boleh mendorong penggunaan kereta peribadi yang banyak, menyebabkan aliran lalu lintas yang lebih besar, terutama di kawasan-kawasan lalu lintas yang sesak di bandar. Ia juga menggalakkan keengganan menggunakan pengangkutan awam, tegas Aznam.

Penyeludupan minyak petrol akan menjadi kegiatan yang lumayan

disebabkan oleh perbezaan besar harga minyak di antara Malaysia, Thailand dan Singapura, katanya sambil menambah bahawa penyeludupan sebenarnya adalah hakikat kehidupan di kawasan-kawasan sempadan dan secara tidak langsung menyebabkan kita memberi subsidi kepada jiran-jiran kita."

Harga minyak petrol, diesel dan gas petroleum cecair (LPG) Malaysia merupakan yang terendah di kalangan negara-negara anggota Asean, kecuali Indonesia, kata Aznam.

Harga minyak petrol Malaysia adalah 160 peratus lebih murah daripada harga di Singapura dan 35 peratus lebih rendah daripada harga di Thailand.

Diesel di Malaysia adalah 77 peratus lebih murah dari harga di Singapura dan 69 peratus lebih murah daripada harga di Thailand manakala LPG 205 peratus lebih murah berbanding harga di Singapura tetapi 10 peratus lebih tinggi berbanding Thailand.

Isu subsidi petroleum ini telah menarik perhatian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Kata beliau, subsidi minyak petrol tidak mungkin dapat diteruskan, sebahagiannya disebabkan oleh lonjakan harga minyak mentah.

Beliau juga berkata bahawa kerajaan tidak akan menghapuskan subsidi tersebut tetapi akan hanya mengurangkannya. -- BERNAMA

MAD KY OS